

280605 2007

Harian Metro

MENARIK...antara bahan penyelidikan yang dipamerkan.

Belangkas jadi tarikan pengunjung

SERDANG: Belangkas yang kini dianggap haiwan eksotik berharga apabila mempunyai darah biru bagi mengesan bakteria berbahaya, antara tarikan kepada pengunjung di Pameran Penyelidikan Ekspo Tani Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-31, di sini, yang berakhir esok..

Urusetia Pameran, Baizura Jamaludin, berkata haiwan terbabit bukan saja menjadi perhatian pelajar bidang berkaitan, malah kanak-kanak cukup tertarik apabila dapat melihat ia secara dekat.

Katanya, pengunjung lebih suka mengunjungi pameran yang menempatkan hidupan dan haiwan berbanding membaca maklumat biasa daripada carta.

"Ini ialah kali kedua kami

adakan pameran penyelidikan bertujuan memberi pendedahan kepada pengunjung mengenai hasil kajian yang dilakukan dan dikomersialkan UPM.

"Kebanyakan hasil penyelidikan yang dikeluarkan secara komersial dalam bentuk produk ini berkaitan dengan bidang pertanian.

"Belangkas ini juga sebagai satu bahan penyelidikan universiti kerana darah birunya yang berguna.

"Orang ramai boleh melihat secara dekat sambil mendengar penerangan daripada pakar penyelidik haiwan berkenaan," katanya di sini, semalam.

Pameran penyelidikan itu dibuka kepada orang ramai bermula jam 9 pagi hingga 7 malam.